

PM Dijadual Rasmi Kompleks Pembuatan Kereta Api Di Batu Gajah Selasa Ini
Bernama
7 April, 2013

SETIAWAN, 7 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual menyempurnakan majlis pecah tanah pusat rel di Batu Gajah, Selasa ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Kong Cho Ha berkata projek itu akan dibangun oleh syarikat konglomerat dari China iaitu China Southern Railways di tapak seluas kira-kira 17 hektar bersebelahan kawasan Keretapi Tanah Melayu.

"Syarikat tersebut pernah membekalkan 38 gerabak kereta api yang dibuatnya dan ia kini sedang dalam perkhidmatan untuk komuter di Lembah Kelang," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata projek itu akan mencipta banyak peluang pekerjaan kepada penduduk, terutama sekitar Batu Gajah dan Gopeng, serta penduduk Ulu Kinta secara amnya.

Sebagai permulaan, syarikat itu akan membelanjakan RM400 juta untuk membina kompleks berkenaan sekali gus memberi manfaat kepada sektor perniagaan dan perkhidmatan, terutama pembekal bahan binaan.

"Pada masa yang sama, syarikat berkenaan akan mewujudkan fasiliti latihan sumber manusia mahir dalam sektor pembuatan keretapi," katanya.

Kong berkata China Southern Railways menunjukkan minat untuk mewujudkan kompleks berkenaan sejak tahun lepas kerana yakin dengan masa depan negara ini.

"Keretapi yang dibuat nanti dijangka dipasarkan di kalangan negara Asean dan seterusnya ke pasaran antarabangsa," katanya.

Beliau turut menyifatkan projek itu sebagai tanda hubungan erat antara China dan Malaysia, yang terjalin sejak 1974.

Kong juga berkata China kini merupakan rakan dagang utama bagi Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940194>